

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9383

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Kementerian dalam membendung dan memerangi kegiatan ekstremis dan militan seperti IS, Daesh dan lain-lain; dan
- (b) statistik tangkapan dan hukuman yang telah dijatuhkan pesalah di atas, menurut pecahan negeri dan statistik mereka yang telah dipulihkan dan diserap semula ke dalam masyarakat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin. Sesungguhnya, ancaman ini adalah benar dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan.

Sehubungan itu, Kerajaan dan pasukan keselamatan sentiasa memperhalusi perkembangan berkaitan kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira trend ancaman keganasan secara global. Usaha berterusan Kerajaan dalam memerangi keganasan telah terbukti berkesan di mana bagi tempoh 2013 sehingga 07 Oktober 2016, seramai 255 orang pengganas yang telah berjaya ditahan.

Bagi menjawab soalan (b) pula, daripada jumlah tangkapan sebanyak 255 orang yang saya maklumkan pada awal tadi, seramai 121 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, 36 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959, 13 orang telah diambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Keganasan 2015, 21 orang warga

asing telah diusir dari Malaysia dan bakinya iaitu 64 orang telah dibebaskan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, setakat ini pihak PDRM dengan kerjasama JAKIM telah menjalankan dua program pemulihan ke atas 38 orang anggota kumpulan Daesh yang ditahan, walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidak dapat memastikan mereka pulih sepenuhnya kerana ia melibatkan ideologi.

Kerajaan turut mempunyai program pemulihan khusus kepada tahanan-tahanan yang terlibat dalam kegiatan ekstrimis militan atau pengganas yang dilaksanakan melalui Modul Deradikalisisasi Bersepadu Untuk Pengganas.

Modul ini dibangunkan secara bersama oleh Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Penjara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Secara keseluruhan, modul ini mempunyai 103 tajuk yang merangkumi pelbagai aspek seperti kenegaraan, jati diri, psikologi, keselamatan awam dan nilai-nilai murni.

Modul ini telah diterjemah dan dicetak ke dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Perancis dan Bahasa Arab. Ia telah dikongsi bersama pelbagai negara yang ingin mempelajari pengalaman dan kaedah Malaysia dalam menjalankan program deradikalisisasi dan pemulihan tahanan yang terlibat dalam kegiatan militan dan keganasan melampau.